



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 APRIL 2016

Tun M nafi minta campur tangan asing

UM - 12/4/2016
KUALA LUMPUR 11 April - Selepas dikritik banyak pihak, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan beliau meminta campur tangan asing untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sebaliknya, Dr. Mahathir berkata, beliau hanya mahu memberitahu pihak media asing mengenai masalah yang berlaku di negara ini.

"Saya tak minta campur tangan luar. Saya katakan bahawa semua saluran untuk menyatakan kebenaran di negara ini telah disekat oleh Najib dan saya akan beritahu media asing mengenainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berucap dalam Forum Pembinaan Negara Bangsa Menerusi Pendidikan: Pembangunan Karakter Berdasarkan Teladan di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir dalam wawancara bersama akhbar Australia, *The Weekend Australian* berkata, campur tangan asing harus diberi laluan dalam urusan domestik di Malaysia untuk memaksa Najib berundur.

Sementara itu, ketika ditanya kesediaan beliau untuk disiasat oleh pihak berkuasa berkenaan perkara tersebut, Dr. Mahathir menganggap perkara tersebut merupakan perkara biasa.

"Dah dua kali saya disiasat, malah kawan-kawan saya juga telah disoal siasat," katanya.

Terdahulu, semasa berucap dalam forum tersebut, Dr. Mahathir berkata, negara-negara Islam yang sedang menghadapi konflik dalaman perlu belajar dari Malaysia dalam menguruskan pentadbiran negara.

Dengan menjadikan negara Sudan sebagai contoh, Dr. Mahathir berkata, pergolakan yang berlaku di negara tersebut disebabkan rakyat mereka tidak didedahkan kaedah terbaik untuk mentadbir sebuah kerajaan.

"Walaupun Malaysia terbahagi kepada tiga bangsa utama iaitu Melayu, Cina dan India tetapi negara masih mampu membangun dan tidak bertelagah sesama sendiri, malah rakyat Malaysia juga mampu berkongsi kekayaan negara serta kuasa walaupun hidup berbeza bangsa dan agama," jelasnya.